

## Mata Anda – Tingkap Anda Ke Dunia

### LINDUNGI MATA ANDA

#### Bagaimana DR dirawat ?

Bagi kes awal, rawatan tidak diperlukan. Pemeriksaan mata secara berkala penting bagi memantau perkembangan penyakit ini. Pengawalan paras gula darah dan tekanan darah ketat dapat mengurangkan risiko mendapat DR. Dalam kes DR yang lebih teruk, rawatan diperlukan untuk mengelakkan kemerosotan penglihatan dan boleh mengembalikan penglihatan.

Antara kaedah rawatan termasuk:

- **Suntikan Intravitreal Anti-VEGF:** Anti-VEGF adalah antibodi yang direka untuk menghilangkan lebih VEGF (faktor pertumbuhan endotelial vaskular) pada mata yang menyebabkan penyakit DR.
- **Terapi Laser:** Laser dilakukan bagi mengecutkan saluran darah retina dan menghentikan kebocoran, untuk mengurangkan edema makula dan pertumbuhan saluran darah yang tidak normal.
- **Vitrektomi:** Pembedahan untuk membuang gel vitreous, saluran darah yang bocor dan tisu parut bagi memulihkan penglihatan.

#### Apakah kaedah terbaik untuk mencegah DR?



# Retinopati Diabetik

#### Hubungi Kami :

#### OasisEye Specialists

1800 18 7676

[oasiseye.my](http://oasiseye.my)

[linktr.ee/oasiseye](https://linktr.ee/oasiseye)





## Apa Itu Retinopati Diabetik ?

Retinopati diabetik (DR) adalah antara penyebab utama kebutaan yang boleh dielakkan. DR adalah berpunca dari penyakit kencing manis yang merosakkan retina. Retina merupakan bahagian belakang mata yang sensitif pada cahaya, berfungsi seperti projektor filem, dan menghantar imej ke otak. Kencing manis akan merosakkan saluran darah halus di retina. Pada peringkat awal, salur darah di retina menjadi lemah dan mula bocor, serta membentuk titik-titik pendarahan kecil.



Tahukah anda bahawa turun naik paras gula dalam darah berpotensi tinggi menyumbang kepada perkembangan retinopati diabetik. Oleh itu, penting untuk menjaga kawalan paras gula dalam darah supaya stabil.



Apabila retinopati semakin teruk, peredaran darah berkurang di kawasan retina menyebabkan kawasan retina kekurangan oksigen. DR mengakibatkan penglihatan merosot atau kebutaan kerana dua sebab:

**Makulopati diabetik:** Berlaku apabila makula (bahagian tengah retina yang memberi anda penglihatan pusat yang tajam) menjadi bengkak.

**DR Proliferatif:** Saluran darah baru yang tidak normal mula kelihatan di sekitar retina dan permukaan *vitreous*. Pendarahan salur darah kecil boleh menyebabkan berlakunya *floaters* (bintik-bintik hitam dalam penglihatan), dan penglihatan kabur. Tisu parut yang terbentuk boleh menarik retina, menyebabkan Lekangan Retina *Traction* (TRD). Pada tahap yang teruk, ia boleh menyebabkan **Total Retinal Detachment** dan **Glaukoma**. Jika tidak dirawat, anda mungkin menjadi kebutaan.

Istilah HbA1c merujuk kepada *glycated haemoglobin*. Ia berkembang apabila hemoglobin, protein di dalam sel darah merah yang membawa oksigen ke seluruh badan anda, bergabung dengan glukosa dalam darah, menjadi 'glycated'. Doktor boleh mendapat gambaran keseluruhan kadar gula dalam darah kita selama beberapa minggu / bulan dengan ukuran HbA1c. Pesakit kencing manis perlu mencapai sasaran HbA1c:



48 mmol / mol (6.5%)



## Simptom dan tanda-tanda

Mungkin tiada gejala pada peringkat awal. Tetapi sekiranya merosot, simptom berikut mungkin berlaku:

- Penglihatan kabur
- Satu mata hilang penglihatan tiba-tiba
- Silauan cahaya seakan cincin di keliling lampu
- Tompok gelap atau kelipan cahaya

## Apakah pemeriksaan mengesan DR?

Pemeriksaan Retina Komprehensif: Untuk mengesan tanda-tanda DR. Ujian diagnostik dibuat untuk menilai tahap DR pada pesakit, seterusnya menentukan kaedah rawatan yang terbaik termasuk:

- *Fundus fluorescein angiogram* (FFA)
- *Optical coherence tomography* (OCT)